

25/7/85

# bertambah 'rumit'

SEREMBAN, Rabu — Krisis perlantikan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 dikatakan menjadi bertambah 'rumit' apabila anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun hari ini mendakwa bahawa kali ini adalah giliran mereka untuk menyandang pesaka itu.

Mereka berpendapat Rumpun Dusun lebih berhak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 daripada tiga lagi Rumpun Waris Kelana (Undang) Perut Ulu iaitu Bayu, Tinggang dan Nyonyoi.

Oleh BUSTAMAM AHMAD

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, anak-anak Waris Rumpun Dusun juga mendakwa mereka adalah sebenarnya 'Waris Asal' di Luak Sungai Ujong.

Menurut jurucakap mereka, Rumpun Dusun dan Rumpun Nyonyoi sebenarnya memiliki salinan Terombo Asal Luak Sungai Ujong sejak zaman berzaman dahulu iaitu sejak pemerintahan Penghulu Pertama Luak Sungai

Ujong, Tok Kelambu atau Penghulu Mohd Tambu.

"Bagaimanapun, salinan Terombo Asal Luak Sungai Ujong berpindah tangan kepada anak-anak Waris Rumpun Bayu dan Tinggang menerusi cara 'pujuk-rayu dan muslihat' ketika pemerintahan Datuk Kelana Putra Makmur (1889-1945).

"Kenyataan ini bukan sengaja diada-adakan bagi kepentingan Rumpun Dusun tetapi kami mempunyai segala keterangan termasuk fakta sejarah untuk menyokongnya," kata jurucakap itu.

Beliau berkata berdasarkan Terombo Asal Luak Sungai Ujong, dua ibu soko tertua Perut Ulu ialah Tok Bilang dan Tok Pegang.

Menurutnya, Tok Bilang ialah ibu kepada Undang Keempat, Datuk Kelana Putra Kawal (1830-1850) manakala Tok Pegang pula ialah ibu kepada Undang Kelima, Datuk Kelana Putra Sendeng (1850-1872).

"Rumpun Bayu dan Tinggang berasal daripada keturunan Datuk Kelana Putra Kawal dan mereka menerima giliran pesaka Undang menerusi Undang Kelapan, Datuk Kelana Putra Makmur.

"Rumpun Dusun pula berasal daripada keturunan Datuk Kelana Putra Sendeng dan kami masih belum pernah menyandang pesaka Undang sejak pemerintahan Datuk Kelana Putra Sendeng.

"Manakala Rumpun Nyonyoi sudah menerima pesaka Undang menerusi Penghulu Pertama, Tok Kelambu atau Mohd Tambu sehingga Penghulu Keenam, Penghulu Chantik atau Penghulu Rumah Gadang," jelasnya.

Jurucakap itu berpendapat krisis perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10 hanya boleh diselesaikan dengan merujuk kepada isi kandungan Terombo Asal Luak Sungai Ujong dan bukannya menerusi 'aturan adat wang atau aturan adat politik'.

Beliau mendakwa salinan Terombo Asal Luak Sungai Ujong ada dalam simpanan Undang Luak Jelebu, Johol dan Rembau serta Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.